



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh :

30hb. Oktober 2019

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJKD

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN KEMPEN PEMBIAYAAN
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

LATARBELAKANG DAN TUJUAN

2. Dengan tujuan menghargai para anggota KPDRM yang terus memberikan sokongan mereka serta memastikan KPDRM terus kekal bersaing dalam suasana ekonomi semasa, satu kempen akan diadakan dalam usaha menggalakkan anggota membuat pembiayaan menerusi KPDRM.

KETETAPAN

3. Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 29hb Oktober 2019 telah mengambil ketetapan dan seterusnya melancarkan kempen pembiayaan KPDRM dengan tema 'Kembali Ke Sekolah' bagi menarik lebih ramai anggota membuat pembiayaan dengan KPDRM.

4. Kempen ini akan berlangsung selama satu bulan setengah bermula daripada 01hb November 2019 hingga 15hb Disember 2019 sebagaimana jadual yang di bawah:-

Perkara	Tempoh	Bilangan Pemenang
Minggu Pertama	01/11/2019 hingga 08/11/2019	28 pemenang
Minggu Kedua	09/11/2019 hingga 15/11/2019	26 pemenang
Minggu Ketiga	16/11/2019 hingga 22/11/2019	26 pemenang
Minggu Keempat	23/11/2019 hingga 29/11/2019	26 pemenang

Minggu Kelima	30/11/2019 hingga 06/12/2019	26 pemenang
Minggu Keenam	07/12/2019 hingga 15/12/2019	28 pemenang

HADIAH

5. Hadiah yang ditawarkan kepada semua pemenang bertuah adalah berupakan **baucer BATA** yang bernilai sebanyak **RM100.00** (Ringgit Malaysia Seratus Sahaja) setiap seorang.
6. Baucer ini boleh digunakan di mana-mana Kedai Bata di seluruh negara.

TERMA DAN SYARAT

6. Kempen ini adalah terbuka kepada semua Anggota KPDRM yang memohon pembiayaan dan diluluskan oleh KPDRM dengan jumlah pembiayaan tidak kurang daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) KECUALI Anggota Lembaga Koperasi, Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman, Kakitangan KPDRM dan Kakitangan Subsidiari KPRDM.
7. Terbuka kepada semua jenis pembiayaan dengan jumlah seperti perkara (6) di atas KECUALI pembiayaan Ekspres dengan tanpa perubahan kadar keuntungan pembiayaan masing-masing.
8. Maklumat lanjut mengenai kempen ini bolehlah didapati dengan melayari laman sesawang KPDRM (www.kpd.com.my).

PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar

DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
 SETIAUSAHA